

## **IKLAN JAWATAN BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa kakitangan Universiti Malaysia Sabah dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Kewangan (W) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### **1.0 BUTIRAN JAWATAN**

- 1.1 Jawatan : Bendahari
- 1.2 Gred : Gred Utama C (VU7) Terbuka
- 1.3 Tangga Gaji : RM7,676.00 hingga RM20,592.00
- 1.4 Taraf Lantikan : Pertukaran Sementara
- 1.5 Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah UMS)
- 1.6 Kelayakan : Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional Skim Perkhidmatan Pegawai Kewangan (W - Gred 52 dan ke atas)

### **2.0 KRITERIA PEMILIHAN**

Kriteria pemilihan bagi jawatan Bendahari adalah seperti berikut:

#### **2.1 Kriteria Umum**

- (a) Pegawai yang berkelayakan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional Skim Perkhidmatan Pegawai Kewangan (W - Gred 52 dan ke atas) dan mempunyai rekod cemerlang;
- (b) Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (c) Lulus SPM dengan Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) Bahasa Malaysia (termasuk ujian lisan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (d) Sedang menyandang jawatan dalam perkhidmatan;
- (e) Mempunyai integriti, etika kerja dan sifat kepimpinan yang tinggi berorientasikan sikap kerja berkumpulan.

## 2.2 Kriteria Khusus

### (a) **Memimpin dan Mengurus**

Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, menggerakkan pasukan, mempunyai gagasan, visi dan misi jelas serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke aras budaya kecemerlangan.

### (b) **Reputasi**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati masyarakat di dalam dan di luar kampus.

### (c) **Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, berpandangan jauh, pemikiran yang rasional, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

### (d) **Proaktif**

Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global serta analitikal.

### (e) **Komunikasi**

Memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

### (f) **Dinamik**

Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.

### (g) **Pengurusan Konflik**

Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskan dengan baik dan berhemah.

### (h) **Potensi**

Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan.

### (i) **Jati Diri**

Mempunyai sifat jati diri dan patriotik, beretika, berintegriti dan berakhlak mulia.

### (j) **Adaptasi Teknologi**

Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.

### (k) Disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

### 3.0 CARA MEMOHON

- 3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:
- a) Surat permohonan rasmi;
  - b) *Curriculum Vitae* (CV) yang terkini berserta gambar berukuran pasport; dan
  - c) Ringkasan perancangan strategik sekiranya dilantik.

- 3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

**Encik Azmi Jumat**

Ketua

Bahagian Pentadbiran dan Governan

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Sabah

No. Tel.: 088-320 000 (No. Samb. 100579)

E-mel : [governan@ums.edu.my](mailto:governan@ums.edu.my)

- 3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENDAFTAR**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**ARAS 4, BLOK SELATAN, BANGUNAN CANSELORI**

**JALAN UMS, 88400**

**KOTA KINABALU, SABAH**

- 3.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.

- 3.5 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 6 September 2023 (Rabu).**